

## PERSEPSI MAHASISWA DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT) TERHADAP RUKUN NEGARA SEBAGAI MEDIUM KEHARMONIAN DI MALAYSIA (Perceptions of Rukun Negara As A Mediator of Harmony Among Students In Higher Learning Institutions)

Submitted: 29-Apr-2024  
Accepted: 6-Mei-2024  
Revised: 12-Jun-2024  
Published: 30-Jun-2024

**Ayu Nor Azilah Mohamad<sup>1</sup>, Wayu Nor Asikin Mohamad<sup>2</sup>,  
Mohamed Ali Haniffa<sup>3</sup>, Mohd Adib Akmal Ahmad Shatir<sup>1</sup>**

Universiti Islam Selangor<sup>1</sup>, University College Bestari<sup>2</sup>,  
Universiti Utara Malaysia<sup>3</sup>

### Abstrak

Rukun Negara ialah satu ideologi yang menjadi teras kepada panduan dan pemikiran negara Malaysia. Rukun Negara ditubuhkan oleh Majlis Gerakan Negara. Rukun Negara diperkenalkan pada 31 Ogos 1970 selepas setahun berlakunya peristiwa 13 Mei 1969 yang menghancurkan perpaduan dan ketenteraman negara. Matlamat utama pengenalan Rukun Negara ialah untuk membina keharmonian dan perpaduan antara kaum yang pelbagai agama, budaya dan bangsa. Objektif kajian ini ialah untuk melihat pandangan golongan mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terhadap Rukun Negara yang berperanan sebagai medium keharmonian dalam masyarakat kepelbagaian di Malaysia. Seramai 781 orang responden yang dipilih secara rawak terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada mahasiswa IPT di seluruh negara. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif menggunakan soal selidik melalui survei untuk mengumpul data. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 26.0 bagi mendapatkan nilai skor min, sisihan piawaian, kekerapan dan peratusan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa responden sangat setuju bahawa Rukun Negara dapat berperanan penting menjadi medium dalam membina keharmonian antara pelbagai kaum di Malaysia. Hal ini kerana kelima-lima prinsip Rukun Negara menjadi asas kepada pembinaan perpaduan yang kukuh antara kaum demi mencapai kejayaan dan kestabilan masyarakat di Malaysia.

*Kata Kunci: Rukun Negara, mahasiswa, medium, keharmonian, Malaysia.*

### Abstract

*The Rukun Negara is an ideology that represents the core of Malaysia's national direction and mindset. It was established by the National Movement Council and was introduced on August 31, 1970 a year after the events of May 13, 1969 that ruined the unity and order of the country. The main goal for the introduction of Rukun Negara is to build harmony and unity between people of various religions, cultures and races. The objective of this study is to perceive the views of students at Higher Learning Institutions (IHLs) towards Rukun Negara which acts as a medium of harmony for diverse society in Malaysia. A total of 781 randomly selected respondents were involved in this study consisting of IHL students across the country. This study uses quantitative methods through a survey using questionnaires to collect data. The data obtained was analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) software version 26.0 to obtain the mean score value, standard deviation, frequency and percentage. The results of the study found that respondents strongly agreed that Rukun Negara can play an important role as a medium in developing harmony between various races in Malaysia. This is because the five principles of Rukun Negara are the basis for fostering strong unity between races in order to achieve success and stability in Malaysia's society.*

*Keywords: National pillars, undergraduates, medium, harmonisation, Malaysia.*

## 1.0 PENGENALAN

Kamus Dewan Edisi Keempat (2016) mentafsirkan bahawa istilah 'mahasiswa' itu didefinisikan sebagai pelajar (penuntut) di sesebuah universiti. Ini menunjukkan bahawa mahasiswa tergolong dalam kalangan orang-orang yang mempunyai ilmu yang tinggi. Sememangnya institusi pengajian tinggi memainkan peranan penting dalam mewujudkan kesedaran berkenaan Rukun Negara. Ini melibatkan pembelajaran formal dan tidak formal yang membentuk nilai, sikap dan cara berfikir mahasiswa. Mahasiswa mempunyai tanggungjawab untuk menjadi ejen perubahan dalam mewujudkan keharmonian di kampus. Rukun Negara mengandungi lima prinsip utama iaitu Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang, Kesopanan dan Kesusilaan bukan sekadar lambang keutuhan bahkan asas utama membentuk nilai-nilai masyarakat Malaysia. Di sinilah mahasiswa berperanan penting dalam menyumbang kepada merealisasikan masyarakat yang bersatu padu, adil dan harmoni (Ahmad Nasir, 2023).

Keberadaan mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bukan hanya sekadar untuk memperoleh ilmu akademik sahaja. Akan tetapi juga dapat membina mempunyai hubungan sosial dengan rakan taulan yang terdiri daripada pelbagai agama, bangsa dan budaya. Keterlibatan dalam aktiviti kokurikulum dan berpersatuan memberi ruang luas untuk mengenali kaum yang berbeza. Secara tidak langsung, ini dapat membina hubungan baik antara pelbagai kaum. Pembinaan hubungan baik inilah yang diutamakan dalam prinsip Rukun Negara. Hal ini kerana intipati dalam prinsip Rukun Negara berupaya membentuk keharmonian antara masyarakat pelbagai di Malaysia. Mahasiswa merupakan generasi muda yang bakal mencorakkan masa depan negara perlu menggalas tanggungjawab besar untuk memahami, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai dalam prinsip Rukun Negara. Intipati prinsip Rukun Negara menjurus kepada pembentukan individu yang mempunyai integriti, bertanggungjawab dan mengambil berat tentang keharmonian sosial. Untuk itu, kajian ini adalah untuk melihat pandangan mahasiswa IPT terhadap Rukun Negara yang berperanan sebagai medium keharmonian antara pelbagai etnik, agama dan budaya di Malaysia.

## 2.0 METODOLOGI DAN OBJEKTIF KAJIAN

Metodologi kajian ini ialah menggunakan kaedah kuantitatif. Instrumen dibina dan disemak oleh pakar yang dilantik bagi mendapatkan keabsahan. Edaran soalan soal selidik dilaksanakan secara dalam talian menggunakan platform *google form* kerana ketika ini kekangan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh Malaysia akibat korona virus. Seramai 792 orang mahasiswa memberi respon melalui survei yang dijalankan. Akan tetapi selepas dilakukan pembersihan data, hanya 781 sahaja boleh diterima sebagai data dapatan kajian. Responden terdiri daripada mahasiswa dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Responden dipilih melalui persampelan rawak berkelompok (*random cluster sampling*). Responden ini terdiri daripada etnik Melayu, Cina, India dan etnik lain dari Sabah dan Sarawak. Soalan soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian A berkaitan dengan demografi responden. Manakala Bahagian B mempunyai 12 soalan. Pilihan jawapan bagi 12 soalan tersebut berdasarkan lima skala likert. Lima skala likert itu ialah 1=Sangat Tidak Setuju, 2=Tidak Setuju, 3=Tidak Pasti, likert. 4=Setuju dan 5=Sangat Setuju. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)*

versi 26.0 bagi mendapatkan nilai skor min, sisihan piawaian, kekerapan dan peratusan. Selepas dianalisis, dapatan kajian dihantar untuk semakan pakar yang terdiri daripada pihak berwajib.

Objektif kajian ini ialah untuk melihat persepsi mahasiswa terhadap Rukun Negara yang berperanan sebagai medium keharmonian di Malaysia. Pemilihan responden yang terdiri daripada mahasiswa ini dianggap relevan untuk mencapai objektif kajian kerana golongan mahasiswa merupakan kelompok berpendidikan yang bakal menjadi pemimpin generasi masa hadapan. Oleh itu, golongan mahasiswa perlu memahami, menghayati dan mengamalkan prinsip Rukun Negara. IPT juga menjadi medan pertemuan untuk berinteraksi antara pelbagai etnik melalui penglibatan dalam program atau aktiviti yang membangunkan sahsiah, jati diri dan perasaan cinta akan tanah air sendiri. Pengamalan prinsip Rukun Negara amat penting bagi mengekalkan keharmonian masyarakat Malaysia yang majmuk dan kestabilan politik negara dalam arus pertumbuhan ekonomi negara yang pesat.

### 3.0 SOROTAN KAJIAN

Terdapat beberapa kajian yang telah dilaksanakan berkaitan dengan Rukun Negara. Abdul Rahman (2010) menghuraikan tentang peranan Rukun Negara dalam memperkukuhkan ketahanan negara. Rukun Negara adalah suatu ideologi untuk menyeragamkan fahaman dalam kalangan pelbagai kelompok etnik. Malah hasrat kewujudan Rukun Negara adalah melahirkan jiwa patriotik dalam memelihara kemakmuran bersama. Sedangkan keharmonian dan kerukunan hidup dalam masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia merupakan tunjang kepada kestabilan dan kekuatan negara. Selain itu, Siti Norayu et al (2014) membuat kajian tentang persepsi pelajar terhadap konsep Rukun Negara melalui pengajaran subjek Hubungan Etnik dan kajian kes di Universiti Malaysia Perlis. Hasil kajian ternyata subjek Hubungan Etnik merupakan subjek penting dalam memberi kesedaran dan kefahaman konsep Rukun Negara dalam pembentukan masyarakat majmuk yang harmoni dan bertoleransi di antara satu sama lain.

Kajian Lee Yok Fee dan Sarjit S. Gill (2008) berkaitan tentang Rukun Negara sebagai satu ideologi yang bersepadu perlu diberikan perhatian. Penulis mengesyorkan agar prinsip Rukun Negara perlu disemai dalam pemikiran rakyat Malaysia malah Rukun Negara menjadi amalan dalam kehidupan harian. Untuk itu, pembinaan modal insan seharusnya berteraskan kepada prinsip Rukun Negara. Terdapat beberapa lagi penulisan yang boleh dijadikan sebagai sumber pembacaan mengenai Rukun Negara. Antaranya ialah bab dalam buku tulisan Ayu Nor Azilah et al, (2013) yang bertajuk *Rukun Negara, Peranan, Penghayatan dan Cabaran Dalam Perpaduan di Malaysia* dalam *Membina Bangsa Malaysia: Jilid 5: Negara Bangsa*. Artikel ini mengupas peranan Rukun Negara dalam membina hubungan yang harmoni dalam kehidupan bermasyarakat.

Di samping itu, prinsip Rukun Negara perlu dihayati dalam menghadapi cabaran dalam menggapai perpaduan di Malaysia. Selain itu, artikel tulisan Hadijah (2019) yang bertajuk *Persepsi Terhadap Konsep Rukun Negara Melalui Pengajaran Kursus Pengajian Malaysia*. Kajian ini dilaksanakan dalam kalangan 100 orang pelajar Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah (UniSHAMS). Dapatan mendapati penghayatan responden terhadap Rukun Negara agak tinggi. Dapatan kajian juga mendapati bahawa pihak kerajaan merupakan komponen utama yang bertanggungjawab memperkasakan semula Rukun Negara yang menjadi pengikat perpaduan kaum. Hakikatnya keperluan kursus Pengajian Malaysia sebagai salah satu modul wajib Universiti di UniSHAMS membuktikan peranan dan

fungsinya yang sangat penting dalam memberikan kesedaran akan kepentingan pemahaman dan penghayatan Rukun Negara demi kelestarian sebuah negara yang kukuh teguh oleh akar ideologinya. Selain itu, buku yang bertajuk *Rukunegara Selayang Pandang* oleh Eddin Khoo (2020). Buku ini menghuraikan sejarah pembentukan Rukun Negara selepas peristiwa 13 Mei 1969 termasuk perincian prinsip Rukun Negara. Justeru itu, kajian ini menjadi nilai tambah kepada kajian Rukun Negara yang telah sedia ada. Kajian ini memfokuskan kepada persepsi mahasiswa terhadap Rukun Negara sebagai medium keharmonian di Malaysia

#### **4.0 KEPENTINGAN PERPADUAN DAN RUKUN NEGARA**

Hidup dalam suasana aman dan damai, saling hormat-menghormati, mesra bekerjasama antara satu sama lain malah teguh bersatu ketika negara dilanda konflik serta patuh kepada undang-undang negara. Itu antara keunikan dan keistimewaan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, agama dan latar budaya. Walaupun tidak dinafikan ada ketikanya 'gelora' melanda, namun ia tidaklah sehingga menghancurkan ikatan erat hubungan antara kaum yang telah terjalin sekian lama. Ironinya, fenomena ini dalam keadaan sedar atau tidak sebenarnya, turut memberi refleksi penghayatan serta pengamalan lima prinsip Rukun Negara yang menjadi tunjang perpaduan rakyat Malaysia. Kelima-lima prinsip itu, iaitu Teras Kepercayaan Kepada Tuhan, Kesetiaan Kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang serta Kesopanan dan Kesusilaan, semuanya dizahirkan melalui perbuatan secara langsung, mahupun tidak langsung. Dalam satu keadaan, memang agak sukar untuk mengaitkan kehidupan harian dengan apa yang terkandung dalam Rukun Negara namun jika diamati secara tersirat dan tersurat, corak kehidupan rakyat Malaysia sememangnya berkait rapat dengan kelima-lima prinsip berkenaan (Bahagian Penerbitan Dasar Negara, 2020).

Biarpun ada pihak yang berpendapat Rukun Negara 'semakin jauh' dan dilupakan terutama dalam kalangan generasi muda hari ini, namun semuanya berbalik kepada cara setiap individu menilai satu-satu isu. Terdapat beberapa insiden yang berlaku sebelum ini boleh menggugat keharmonian hubungan kaum di negara ini. Sepatutnya mengangkat nilai-nilai murni yang didukung oleh sebahagian besar masyarakat untuk dijadikan contoh. Antaranya, semangat kejiranan yang tinggi walaupun berbeza kaum, sikap murah hati rakyat Malaysia menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan tanpa mengira batas agama dan beberapa perkara lain yang boleh dijadikan panduan oleh semua pihak. Kepelbagaian dalam masyarakat wajar diangkat sebagai tonggak kekuatan negara. Mengambil contoh kejayaan Malaysia menangani pandemik COVID-19 sangat jelas menunjukkan kepatuhan rakyat terhadap arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) boleh disifatkan sebagai antara pengamalan prinsip Rukun Negara. Pematuhan rakyat terhadap arahan PKP supaya kekal duduk di rumah adalah antara 95 hingga 97 peratus. Tidak ada sebarang demonstrasi yang menuntut PKP ditamatkan segera dan tidak ada pihak yang sengaja melahirkan 'hate speech' atau perasaan kebencian yang menyebabkan masyarakat tidak berpuas hati dengan tindakan kerajaan. Ketaatan' tanpa sedar ini membuktikan masyarakat Malaysia sebenarnya mempunyai tahap disiplin yang tinggi sehingga negara berjaya menangani krisis yang pertama kali berlaku dalam sejarah dengan sangat baik bahkan diiktiraf dunia. Kejayaan itu pasti sukar dicapai tanpa sokongan padu seluruh masyarakat (Periasamy, 7 April 2020).

Menurut Mohd Mahadee (2020) yang memetik kata-kata Pengarah Pengasas Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Ulung Datuk Dr Shamsul Amri

Baharuddin, secara umumnya, masyarakat Malaysia hidup dalam keadaan kesepaduan sosial, aman serta harmoni, yang pastinya melahirkan bibit-bibit perpaduan. Rata-rata rakyat tanpa mengira latar belakang dan keturunan telah saling menerima, mengiktiraf perbezaan dan berlapang dada untuk berkongsi hidup secara bersama. Meskipun perpaduan utuh belum dicapai namun kita hidup dalam keadaan tenteram dan bebas ke mana-mana tanpa rasa bimbang ancaman daripada mana-mana pihak. Jika berlaku salah faham atau pergeseran pun, itu boleh dianggap adalah 'adat' (normal) apabila hidup dalam kepelbagaian kaum di Malaysia ini. Sedangkan adik-beradik dan sesama kawan pun boleh timbul isu, jadi mustahil dalam konteks Malaysia dengan masyarakat yang rencam ini tidak ada langsung pergeseran. Namun yang utama, jangka hayat damai adalah lebih panjang berbanding jangka hayat konflik. Dalam hal ini juga kerajaan dan pihak terlibat khususnya pihak berkuasa tempatan serta polis cekap menjalankan tugas dengan segera bertindak sekiranya 'terhidu' bau kurang harmoni bagi memastikan permasalahan yang terjadi dapat dibendung sebelum merebak menjadi api yang besar.

Merujuk kepada kajian Mohd Mahadee (2009) yang bertajuk 'Penghayatan Semangat Patriotisme Dan Nasionalisme: Pelatih Program Khidmat Negara (PLKN),' yang turut menjadikan Rukun Negara sebagai kayu ukur. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa lebih 88 peratus golongan belia remaja daripada 1,010 responden didapati mengetahui dan memahami kepentingan Rukun Negara. Walaupun daripada aspek penghayatan memang ada 'turun naik' bergantung kepada situasi semasa yang berlaku dalam negara. Langkah yang berterusan perlu diambil untuk menyemai dan menyemarak prinsip Rukun Negara dalam kalangan rakyat pada semua peringkat. PLKN juga sebenarnya platform terbaik dalam memupuk semangat patriotik dalam kalangan remaja namun pengisiannya perlu lebih fokus dan tidak diganggu dengan program tambahan lain yang dibimbangi akan menjejaskan objektif sebenar.

Selain itu, Rukun Negara boleh disebarluaskan melalui pendidikan sama ada baik pada peringkat sekolah rendah sehinggalah ke peringkat universiti. Pada peringkat universiti, contohnya subjek Kenegaraan Malaysia yang mengandungi unit khusus membincangkan perihal Rukun Negara. Kelab Rukun Negara di sekolah dan Sekretariat Rukun Negara di universiti perlu dimantapkan dengan lebih banyak program yang memberangsangkan agar menarik minat dan penglibatan generasi muda. Malah, media turut memainkan peranan penting untuk menyuburkan kembali program berkisar Rukun Negara baik secara langsung atau tidak langsung.

Menurut laporan Indeks Kedamaian Dunia 2022 menunjukkan Malaysia berada di kedudukan ke-18 daripada 163 negara yang mempunyai tahap keamanan yang tinggi di dunia. Tiga tema yang dinilai ialah tahap keselamatan dalam masyarakat, tahap konflik domestik dan antarabangsa serta tahap ketenteraan. Di samping dua elemen tambahan iaitu analisis kesan ekonomi dalam menangani keganasan dan Indeks Keamanan Positif yang mengukur kekuatan sikap, institusi dan struktur negara dalam mengekalkan persekitaran yang aman (Utusan Malaysia Online, 2022). Masyarakat semakin peka dan matang serta mengingini negara berada dalam keadaan aman dan harmoni. Terdapat beberapa insiden memperlihatkan rakyat memberi tindak balas, sama ada melalui kritikan di media sosial ataupun melalui perbuatan mereka memboikot golongan tertentu apabila pihak tersebut sengaja mencetuskan perkara yang boleh mengundang suasana yang tidak baik. Dalam hal ini secara tidak langsung, rakyat semakin memahami dan mengamalkan konsep bahawa jati diri negara bukanlah untuk dijadikan bahan ketawa atau dipermainkan sesuka hati oleh mana-mana pihak. Sikap toleransi, hormat-menghormati dan saling menyantuni antara satu kaum dengan kaum yang lain, perlu dipupuk sejak kecil. Hal ini kerana ini dapat menyumbang kepada

pembentukan jati diri masyarakat Malaysia yang berjiwa besar untuk menghargai nilai kebersamaan yang dimiliki selama ini (BERNAMA, 2020).

## 5.0 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah edaran borang soal selidik secara atas talian. Seramai 781 orang mahasiswa terlibat sebagai responden. Responden dipilih secara rawak dari seluruh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Bagi demografi responden merangkumi item berikut iaitu jantina, umur, etnik, tahun pengajian dan peringkat pengajian.

### 5.1 Demografi responden

Jadual 1: Jantina

Jantina			
	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Terkumpul
Lelaki	258	33.0	33.0
Perempuan	523	67.0	100.0
Jumlah	781	100.0	

Sumber: Data kajian

Jadual 1 menunjukkan data bagi kategori jantina responden seramai 781 orang. Seramai 258 orang responden bersamaan dengan 33 peratus terdiri daripada lelaki dan 523 orang responden bersamaan 67 peratus adalah perempuan. Bagi kategori umur pula, majoriti berumur antara 18-21 tahun seramai 515 orang dengan 65,9 peratus. Ini diikuti umur 21-22 seramai 189 orang responden bersamaan 24.2 peratus. Seterusnya, 38 orang responden atau 4.9 peratus dalam kategori umur 23-24 tahun. Seramai 34 orang responden atau 4.4 peratus adalah lingkungan umur 27 tahun dan ke atas. Yang paling rendah adalah lingkungan umur 25-26 tahun iaitu hanya 5 orang responden atau 0.6 peratus. Jadual 2 di bawah menunjukkan kategori umur.

Jadual 2: Umur

Umur			
	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Terkumpul
18-21	515	65.9	65.9
21-22	189	24.2	90.1
23-24	38	4.9	95.0
25-26	5	0.6	95.6
27 dan ke atas	34	4.4	100.0
Jumlah	781	100.0	

Sumber: Data kajian

Jadual 3: Etnik

Etnik			
	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Terkumpul
Melayu	538	68.9	68.9

Cina	183	23.4	92.3
India	31	4.0	96.3
Lain-lain	29	3.7	100.0
Jumlah	781	100.0	

Sumber: Data kajian

Jadual 3 menunjukkan kategori etnik. Responden Melayu adalah paling ramai dengan 538 orang atau 68.9 peratus. Ini diikuti etnik Cina sejumlah 183 orang bersamaan 23.4 peratus. Etnik India seramai 31 orang bersamaan 4.0 peratus. Bagi etnik-etnik lain seramai 29 orang atau 3.7 peratus. Seterusnya Jadual 4 menunjukkan kategori tahun pengajian. Majoriti berada dalam Tahun 1 dengan 557 orang responden bersamaan 71.3 peratus. Ini diikuti dengan Tahun 2 seramai 97 orang responden atau 12.4 peratus. Tahun 3 pengajian seramai 68 orang responden bersamaan 8.7 peratus. Seramai 59 orang responden atau 7.6 peratus bagi Tahun 4 pengajian. Manakala dalam Jadual 5 menjelaskan kategori tahap pengajian pula, majoriti responden adalah dari Ijazah Sarjana Muda seramai 623 orang atau 79.8 peratus. Bagi peringkat Diploma seramai 113 orang responden bersamaan 14.5 peratus. Peringkat Sijil pula seramai 36 orang responden atau 4.6 peratus. Bagi PhD seramai 6 orang responden atau 0.8 peratus. Manakala bagi pengajian peringkat Sarjana seramai 3 orang atau 0.4 peratus. Jadual 4 dan 5 di bawah menunjukkan kategori tahun pengajian dan peringkat pengajian.

Jadual 4: Tahun Pengajian

Tahun Pengajian			
	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Terkumpul
Tahun 1	557	71.3	71.3
Tahun 2	97	12.4	83.7
Tahun 3	68	8.7	92.4
Tahun 4	59	7.6	100.0
Jumlah	781	100.0	

Sumber: Data kajian

Jadual 5: Peringkat Pengajian

Peringkat Pengajian			
	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Terkumpul
PhD	6	0.8	0.8
Sarjana	3	0.4	1.2
Ijazah Sarjana Muda	623	79.8	80.9
Diploma	113	14.5	95.4
Sijil	36	4.6	100.0
Jumlah	781	100.0	

Sumber: Data kajian

## 5.2 Dapatan kajian

Seterusnya ialah dapatan soalan soal selidik. Responden kajian dikehendaki untuk menyatakan tahap persetujuan mereka berdasarkan skala likert lima mata seperti dalam Jadual 6 di bawah:

Jadual 6: Tahap persetujuan bagi skala likert 5 mata

Skala Likert	Aras Persetujuan
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Tidak Pasti
4	Setuju
5	Sangat Setuju

Adaptasi: Robert L. Likert (1977)

Jadual interpretasi data berikut dibuat bagi penetapan tahap untuk melihat persepsi mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia terhadap prinsip rukun negara sebagai medium keharmonian. Hal ini kerana data kajian dikutip melalui soal selidik dengan menggunakan 5 skala Likert maka dikira amat sesuai jika interval min daripada analisis deskriptif digunakan bagi mengukur tahap keprihatinan mahasiswa IPT. Nilai min skala lima Likert dibahagi kepada lima mata mengikut tahap seperti berikut:

Jadual 7: Nilai Min Mengikut Skala Lima Likert

Nilai Min	Interpretasi
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Tschannen-Moran, M. & Gareis, C.R., (2004).

	Pernyataan		Skala					Jumlah	Min	SP	Tahap
			1	2	3	4	5				
1	Kesopanan dan kesusilaan dapat mewujudkan masyarakat Malaysia yang harmoni dan bersatu padu.	Peratus (%)	0.1	0.5	5.6	22.3	71.4	100.0	4.64	0.623	Sangat Tinggi
		Kekerapan (Orang)	1	4	44	174	558	781			
2	Rukun Negara membentuk individu berdisiplin dan bermoral.	Peratus (%)	0.5	0.5	9.6	25.9	63.5	100.0	4.51	0.731	Sangat Tinggi
		Kekerapan (Orang)	4	4	75	202	496	781			

Pernyataan Kesopanan dan kesusilaan dapat mewujudkan masyarakat Malaysia yang harmoni dan bersatu padu memperoleh min tertinggi iaitu 4.64 berada tahap sangat tinggi. Ini selaras dengan pengamalan prinsip kelima Rukun Negara yang membawa kepada perhubungan yang harmoni dalam masyarakat Malaysia. Ini diikuti dengan pernyataan Rukun Negara membentuk individu berdisiplin dan bermoral dengan min 4.51. Hal ini kerana Rukun Negara diwujudkan untuk menyemai nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat seperti nilai keagamaan, kesetiaan kepada Raja dan Negara, kepatuhan kepada Perlembagaan, kedaulatan undang-undang serta membentuk masyarakat yang mengamalkan kesopanan dan kesusilaan (Bahagian Penerbitan Dasar Negara, 2020). Sifat individu yang bersopan santun dan bersusila paling bermakna dan amat penting dalam konteks perhubungan antara satu sama lain dalam masyarakat pelbagai kaum di negara ini (Ayu Nor Azilah et al.,2013).

	Pernyataan		Skala	Jumlah	Min	SP	Tahap
--	------------	--	-------	--------	-----	----	-------

			1	2	3	4	5				
3	Agama merupakan tonggak kekuatan bangsa dan negara.	Peratus (%)	1.0	0.5	11.5	21.4	65.6	100.0	4.50	0.797	Sangat Tinggi
		Kekerapan (Orang)	8	4	90	167	512	781			
4	Ketidadaan agama boleh meruntuhkan keperibadian seseorang.	Peratus (%)	2.8	1.3	8.8	16.8	70.3	100.0	4.50	0.918	Sangat Tinggi
		Kekerapan (Orang)	22	10	69	131	549	781			
5	Kesetiaan kepada Raja dan Negara dapat menyatupadukan semua kaum menjadi satu bangsa.	Peratus (%)	0.8	1.4	9.3	24.3	64.1	100.0	4.50	0.784	Sangat Tinggi
		Kekerapan (Orang)	6	11	73	190	501	781			

Seterusnya pernyataan ketidadaan agama boleh meruntuhkan keperibadian seseorang memperoleh min 4.50 dengan sisihan piawaian 0.918. Prinsip Rukun Negara yang pertama iaitu Kepercayaan kepada Tuhan menjelaskan bahawa seseorang yang patuh dan taat setia kepada ajaran agamanya mempunyai budi pekerti yang mulia serta sifat-sifat terpuji. Keteguhan iman dan bersikap tolong menolong kepada orang yang susah tanpa mengira kaum adalah sikap terpuji. Bagi item agama merupakan tonggak kekuatan bangsa dan negara pula memperoleh min 4.50 dengan sisihan piawaian 0.797. Masyarakat di Malaysia bebas mengamalkan agama dan adat resam serta kebudayaan masing-masing sesuai dengan matlamat perpaduan negara. Berdasarkan kepada prinsip Kepercayaan kepada Tuhan, semua rakyat Malaysia harus mengakui bahawa Tuhan melebihi kuasa yang lain. Agama Islam dipilih sebagai agama rasmi Persekutuan Malaysia telah menjadi rujukan dan panduan keseluruhan umat manusia (Bahagian Penerbitan Dasar Negara, 2020).

Manakala pernyataan Kesetiaan kepada Raja dan Negara dapat menyatupadukan semua kaum menjadi satu bangsa mendapat min 4.50 dengan sisihan piawaian 0.784. Prinsip kedua Rukun Negara ini meletakkan Yang di-Pertuan Agong adalah lambang perpaduan negara. Dalam konteks perhubungan rakyat dan raja, rakyat harus mencurahkan taat setianya kepada raja. Manakala raja atau pemerintah pula perlu menyediakan perlindungan kepada negara dan seluruh rakyat jelata. Hubungan timbal balik ini meletakkan asas kesetiaan tidak berbelah bagi dalam kalangan rakyat. Ini membentuk semangat kebangsaan yang boleh menyatupadukan rakyat semua (Bahagian Penerbitan Dasar Negara, 2020).

	Pernyataan		Skala					Jumlah	Min	SP	Tahap
			1	2	3	4	5				
6	Perlembagaan merupakan	Peratus (%)	0.1	0.5	9.9	28.8	60.7	100.0	4.49	0.703	Sangat Tinggi

	sumber rujukan berkaitan sistem pemerintahan, perundangan, kedudukan dan hak sosioekonomi.	Kekerapan (Orang)	1	4	77	225	474	781			
--	--------------------------------------------------------------------------------------------	-------------------	---	---	----	-----	-----	-----	--	--	--

Berikutnya pernyataan Perlembagaan merupakan sumber rujukan berkaitan sistem pemerintahan, perundangan, kedudukan dan hak sosioekonomi mendapat min 4.49 dengan sisihan piawaian 0.703. Dapatan ini menjelaskan bahawa Perlembagaan merupakan satu dokumen rasmi yang mengandungi segala peraturan atau undang-undang untuk mengawal kegiatan pemerintah dan rakyat dalam sesebuah negara demi mewujudkan sebuah masyarakat yang aman serta damai. Perlembagaan merupakan sumber undang-undang tertinggi negara (Hasnah, 2022). Untuk itu, sekiranya terdapat masalah dalam pembuatan undang-undang atau rujukan apa-apa hukuman kepada seseorang warganegara adalah berasaskan Perlembagaan. Pembentukan Perlembagaan akan mengekalkan identiti negara bangsa Malaysia kerana melalui perlembagaan, sistem pentadbiran dan perjalanan undang-undang dapat dilaksanakan (Mardiana & Hasnah, 2018).

	Pernyataan		Skala					Jumlah	Min	SP	Tahap
			1	2	3	4	5				
7	Rukun Negara merupakan ideologi nasional.	Peratus (%)	0.5	0.9	12.7	28.0	57.9	100.0	4.42	0.783	Sangat Tinggi
		Kekerapan (Orang)	4	7	99	219	452	781			

Selain itu, pernyataan Rukun Negara merupakan ideologi nasional mendapat min 4.42 dengan sisihan piawaian 0.783. Menyusuri sejarah, Majlis Perundangan Negara telah merumuskan bahawa satu ideologi yang mampu mengatasi garis pemisah antara kaum perlu diwujudkan di negara ini. Berdasarkan keputusan tersebut dan setelah berbincang dengan mengkaji sedalam-dalamnya selama beberapa bulan, maka lahirlah Rukun Negara. Rukun Negara yang mempunyai lima prinsip iaitu Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluruhan Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang dan Kesopanan dan Kesusilaan. Rukun Negara ini diisytiharkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Adibin, Yang di-Pertuan Agong IV pada 31 Ogos 1970 sempena ulang tahun ke-13 kemerdekaan negara (Bahagian Penerbitan Dasar Negara, 2018).

	Pernyataan		Skala					Jumlah	Min	SP	Tahap
			1	2	3	4	5				
8	Institusi Beraja merupakan	Peratus (%)	0.8	1.3	13.8	23.6	60.6	100.0	4.42	0.831	Sangat Tinggi

	lambang perpaduan rakyat Malaysia.	Kekerapan (Orang)	6	10	108	184	473	781			
--	------------------------------------	-------------------	---	----	-----	-----	-----	-----	--	--	--

Seterusnya pernyataan Institusi Beraja merupakan lambang perpaduan rakyat Malaysia mendapat min 4.42 dengan sisihan piawaian 0.831. Institusi raja mempunyai kedudukan selesa dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan negeri. Perkara 32 mengisytiharkan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara. Dari aspek perpaduan negara Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab menjaga dan memelihara kedudukan dan hak istimewa orang Melayu dan masyarakat anak negeri Sabah dan Sarawak serta kepentingan sah kaum-kaum lain. Ini dapat dilihat dalam Perkara 153. Sekiranya diteliti dengan baik, dan diterima dengan rasional Perkara 153 ini adalah aspek penting yang membolehkan kita merdeka. Ketika bersetuju memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu, British amat mementingkan kedudukan dan perpaduan semua pihak di Tanah Melayu. British membenarkan kemerdekaan apabila benar-benar pasti wujudnya perpaduan. Selain itu, pengisian Perkara 153 juga telah dibincangkan dengan terperinci sekali. Ini dapat dilihat dalam dokumen sejarah sejak dari Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 lagi. Dalam Perkara 153, Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab menjaga kepentingan semua kelompok masyarakat Malaysia. Baginda adalah simbol kepada perpaduan masyarakat Malaysia. Justeru Perkara 153 ini sepatutnya menjadi asas kepada perpaduan masyarakat; bukan punca perpecahan (Shamrahayu, 2014).

	Pernyataan		Skala					Jumlah	Min	SP	Tahap
			1	2	3	4	5				
9	Perlembagaan memberi hak dan keistimewaan kepada setiap warganegara.	Peratus (%)	1.5	1.7	9.9	28.3	58.6	100.0	4.41	0.851	Sangat Tinggi
		Kekerapan (Orang)	12	13	77	221	458	781			
10	Kedaulatan undang-undang menjamin hak kebebasan asasi semua warganegara.	Peratus (%)	0.4	2.2	11.1	29.4	56.9	100.0	4.40	0.800	Sangat Tinggi
		Kekerapan (Orang)	3	17	87	230	444	781			

Bagi pernyataan Perlembagaan memberi hak dan keistimewaan kepada setiap warganegara memperoleh min 4.41 dengan 0.851 untuk sisihan piawaian. Kedudukan istimewa orang Melayu terkandung dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Di bawah ini, Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan kaum Bumiputera di negeri Sabah dan Sarawak serta kepentingan sah kaum-kaum lain (Ruslan, 2005). Seterusnya pernyataan kedaulatan undang-undang menjamin hak kebebasan asasi semua warganegara mendapat min 4.40 dengan sisihan piawaian 0.800. Perlembagaan negara menjamin kebebasan hak asasi dan kebebasan kegiatan berpolitik rakyat negara ini asalkan tidak melanggar undang-undang negara. Akan tetapi hak-hak dan kebebasan yang diberikan ini tidak boleh disalahguna atas nama demokrasi untuk membakar perasaan perkauman atau memusnahkan demokrasi. Apabila berlaku masalah yang melanda negara, kepentingan bangsa dan negara mestilah didahulukan. Kepentingan negara hendaklah diutamakan lebih daripada

kepentingan sesuatu kaum jika berkemahuan kestabilan dan keselamatan negara berkekalan (Bahagian Penerbitan Dasar Negara, 2018).

	Pernyataan		Skala					Jumlah	Min	SP	Tahap
			1	2	3	4	5				
11	Rukun Negara menjadi formula untuk mengatasi masalah pergaduhan kaum.	Peratus (%)	1.4	2.0	15.1	26.9	54.5	100.0	4.31	0.900	Sangat Tinggi
		Kekerapan (Orang)	11	16	118	210	426	781			

Berikutnya pernyataan Rukun Negara menjadi formula untuk mengatasi masalah pergaduhan kaum dengan min 4.31 memperoleh sisihan piawaian 0.900. Jika dilihat kepada faktor utama penyebab berlakunya peristiwa 13 Mei 1969 adalah masalah perpaduan dan ketidakseimbangan ekonomi antara kaum. Dasar perpaduan negara dilancarkan menerusi Rukun Negara dan ekonomi menerusi Dasar Ekonomi Baru oleh Sekretariat Hal Ehwal Awam, Jabatan Perpaduan Negara dan Majlis Perundingan Negara di bawah pemerintahan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). Rukun Negara dilancarkan untuk memenuhi cita-cita mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat Malaysia (Abdul Rahman, 2007). Lantas, terdapat empat perkara utama ialah memelihara satu cara hidup demokratik, mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama. Ini termasuklah menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak serta membina satu masyarakat yang progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden. Rukun Negara menjadi pedoman kepada seluruh rakyat Malaysia yang berbilang kaum ke arah pembentukan perpaduan nasional dan menjamin kesejahteraan masyarakat dalam usaha melahirkan sebuah negara dan bangsa Malaysia yang bersatu, demokratik, adil, liberal dan saintifik tanpa mengira keturunan dan kepercayaan (Abdul Rahman, 2007).

	Pernyataan		Skala					Jumlah	Min	SP	Tahap
			1	2	3	4	5				
12	Perlembagaan memberi seseorang hak mengeluarkan idea, berhimpun dan menubuhkan persatuan.	Peratus (%)	0.6	3.1	16.0	31.5	48.8	100.0	4.25	0.877	Sangat Tinggi
		Kekerapan (Orang)	5	24	125	246	381	781			

Yang terakhir pernyataan Perlembagaan memberi seseorang hak mengeluarkan idea, berhimpun dan menubuhkan persatuan memperoleh min 4.25 dengan sisihan piawaian 0.877. Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan Malaysia memperuntukkan kebebasan kepada semua warganegara untuk bercakap, berhimpun dan menubuhkan persatuan. Walau bagaimanapun, Parlimen boleh mengenakan sekatan yang difikirkan perlu demi menjaga keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagian, Persekutuan dalam negeri-negeri lain untuk ketenteraman awam, melindungi keistimewaan Majlis Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, penghinaan terhadap mahkamah dan perbuatan yang boleh menimbulkan penentangan terhadap kerajaan (Mohd Salleh Abas, 2009). Walaupun semua orang diberi hak untuk bersuara tetapi Parlimen boleh dengan undang-undang mengenakan sekatan

yang difikirkannya perlu untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman awam. Semua warganegara berhak menubuhkan persatuan tetapi Parlimen boleh dengan undang-undang mengenakan sekatan yang difikirkan perlu untuk menjaga keamanan dan ketenteraman awam (Mardiana & Hasnah, 2014).

## 6.0 KESIMPULAN

Rukun Negara diperkenalkan dengan matlamat untuk mengharmonikan hubungan kaum di Malaysia selepas peristiwa 13 Mei 1969. Kewujudan prinsip Rukun Negara membolehkan binaan ikatan hubungan antara masyarakat dapat diperteguhkan semula dengan sikap saling menghormati, bertoleransi antara satu sama lain, dapat memahami budaya yang berbeza dan bekerjasama dalam pelbagai aspek kehidupan. Pengamalan prinsip Rukun Negara sangat relevan dipraktikkan oleh golongan mahasiswa. Golongan mahasiswa adalah generasi pelapis kepimpinan negara yang sangat terdedah dengan komunikasi secara terus dengan kepelbagaian kaum dalam pelbagai proses pembelajaran dan aktiviti di dalam kampus. Pelaksanaan prinsip Rukun Negara perlu berterusan agar sehati dalam jiwa masyarakat Malaysia. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa mahasiswa bersetuju dengan pernyataan Rukun Negara berperanan sebagai medium keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia. Ini terbukti apabila dapatan kajian memperoleh purata min keseluruhan 4.46 dengan 89.2 peratus iaitu tahap sangat tinggi. Ini memberi jawapan yang jelas kepada objektif kajian bahawa prinsip-prinsip Rukun Negara berperanan penting dalam membentuk keharmonian di Malaysia. Pemilihan responden dalam kalangan mahasiswa di IPT bertepatan dalam mencapai objektif kajian. Oleh itu, kajian ini menjadi nilai tambah kepada penyelidikan tentang Rukun Negara serta golongan mahasiswa yang sedia ada.

## 7.0 PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada Geran Penyelidikan & Inovasi KUIS (GPIK) Tahun 2020 (Kod Penyelidikan KUIS/2020/GPIK-16/GPI/14) yang bertajuk "Keprihatinan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia Terhadap Prinsip Rukun Negara Sebagai Medium Integrasi. Penulis mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC), Universiti Islam Selangor.

## 8.0 RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdul Aziz. (2010). Rukun Negara dalam Memperkukuhkan Ketahanan Negara In Seminar on National Resilience, 13-15 July 2010, Bayview Hotel Langkawi. Institute of Tun Dr. Mahathir Mohamad's Thoughts, Universiti Utara Malaysia, Sintok , pp. 443-457.
- Abdul Rahman Ibrahim. (2007). *13 Mei 1969 Di Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Nasir Mohd Yusoff. (11 Oktober 2023). 'Peranan kampus mencorak diri mahasiswa.' <https://www.kosmo.com.my/2023/10/11/peranan-kampus-mencorak-diri-mahasiswa/>. Dirujuk pada 28 Mei 2024.
- Ayu Nor Azilah Mohamad et al. (2013). Rukun Negara, Peranan, Penghayatan dan Cabaran Dalam Perpaduan di Malaysia dlm. *Membina Bangsa Malaysia. Jilid 5*. Negara Bangsa. Kuala Lumpur: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri.

- Bahagian Penerbitan Dasar Negara. (2018). *Rukun Negara*. Jabatan Penerangan Malaysia.
- Bahagian Penerbitan Dasar Negara. (2020). *Rukun Negara*. Jabatan Penerangan Malaysia.
- BERNAMA. (9 Julai 2020). Rukun Negara 'wajah' kehidupan rakyat. [https://www.hmetro.com.my/rencana/2020/07/598183/rukun-negara-wajah-kehidupan-rakyat#google\\_vignette](https://www.hmetro.com.my/rencana/2020/07/598183/rukun-negara-wajah-kehidupan-rakyat#google_vignette). Dirujuk pada 17 Julai 2023.
- Eddin Khoo. (2020). *Rukun Negara: Selayang Pandang*. Kuala Lumpur: Kala Publishers Sdn. Bhd.
- Hadijah Johari. (2019). "Persepsi Terhadap Konsep Rukun Negara Melalui Pengajaran Kursus Pengajian Malaysia" e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019, 24-25 April 2019, Kolej Universiti Islam Antara bangsa Selangor.
- Hasnah Hussiin. (2022). *Penghayatan Etika dan Peradaban*. Kuala Lumpur:MaxUnion Publication.
- Jabatan Penerangan Malaysia. (2020). *Rukun Negara*. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lee Yok Fee1 & Sarjit S. Gill. (2008). *Rukun Negara Teras Pembinaan Modal Insan: Satu Komentor*. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 16(1): 107-113 (2008).
- Mardiana Nordin & Hasnah Hussiin. (2014). *Pengajian Malaysia Edisi Kelima*. Selangor: Oxford Fajar.
- Mardiana Nordin & Hasnah Hussiin. (2018). *Pengajian Malaysia Edisi Keenam*. Selangor: Oxford Fajar.
- Mohd Mahadee Ismail et.al. (2009). *Penghayatan Semangat Patriotisme dan Nasionalisme: Pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)*. *Sciencefund Report, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia*.
- Mohd Mahadee Ismail. (8 Julai 2020). 'Malayan Society a Reflection of Rukun Negara'. BERNAMA. <https://www.bernama.com/en/news.php?id=1858334>. Dirujuk pada 17 Julai 2023.
- Mohd Salleh Abas (Dikemaskini Salleh Buang). (2006). *Prinsip Perlembagaan & Pemerintahan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Periasamy. M. (7 April 2020). Kerjasama rakyat patuhi PKP mampu bendung penularan COVID-19. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerjasama-rakyat-patuhi-pkp-mampu-bendung-penularan-covid19-237150>. Dirujuk pada 10 Julai 2023.
- Ruslan Zainuddin, Mohd. Mahadee Ismail, Zaini Othman. (2005). *Kenegaraan Malaysia*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Robert L. Likert. (1977). The neutral point on a Likert scale. *The Journal of psychology The Journal of psychology*.1977, Vol.95(2), p.199-204.
- Shamrahayu A Aziz. (8 Oktober 2014). Raja Melayu simbol perpaduan masyarakat. [https://www.bharian.com.my/kolumnis/2014/10/10258/raja-melayu-simbol-perpaduan-masyarakat#google\\_vignette](https://www.bharian.com.my/kolumnis/2014/10/10258/raja-melayu-simbol-perpaduan-masyarakat#google_vignette). Dirujuk pada 15 Julai 2023.
- Siti Norayu Mohd Basir, Junainor Hassan, Shuhairimi Abdullah dan Hassad Hassan. (2014). Persepsi Pelajar Terhadap Konsep Rukun Negara Melalui Pengajaran Subjek Hubungan Etnik: Kajian kes di Universiti Malaysia Perlis Universiti Malaysia Perlis. *Journal of Human Development and Communication Volume 3 (Special Issue), 2014 [67-79]*.
- Tschannen-Moran, M. & Gareis, C.R., (2004). Principle's Sense of Efficacy: Assessing a Promising Construct. *Journal of Educational Administration*. 42(5), 573-585.
- Utusan Malaysia Online. (24 Julai 2022). Malaysia negara ke-18 paling aman di dunia. <https://www.utusan.com.my/luar-negara/2022/07/malaysia-negara-ke-18-paling-aman-di-dunia/>. Dirujuk pada 10 Julai 2023.